



PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG

Iklan dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam sahaja.

ASSISTANT RESIDENT ENGINEER (A.R.E.)
JABATAN KERJA RAYA CAWANGAN DAERAH TUTONG
JABATAN KERJA RAYA
B.2 (\$2,445 - \$3,280)
KEKOSONGAN = 1

KELAYAKAN MINIMUM

1. Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Kejuruteraan Awam atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
2. Kelulusan yang lebih tinggi adalah diberikan keutamaan serta mempunyai pengalaman di dalam bidang yang berkenaan adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI *ASSISTANT RESIDENT ENGINEER*

1. Pengawasan dan memantau pelaksanaan projek pembinaan dan pemeliharaan infrastruktur serta bangunan di kawasan Pendalaman, Daerah Tutong, termasuk:
 - a. Pemeriksaan/ lawatan ke tapak projek;
 - b. Menghadiri mesyuarat dan perbincangan tapak projek atau perkara-perkara yang berkaitan;
 - c. Pengauditan keselamatan dan kesihatan di tapak bina;
 - d. Menyediakan laporan kemajuan tapak bina;
 - e. Melaporkan kemajuan dan isu-isu di tapak bina;
2. Membantu Jurutera atau Jurutera Kerja dalam memantau projek dari peringkat rekabentuk, tawaran, pelaksanaan dan dalam tempoh *defects liability period* (DLP);
3. Menyediakan dokumen-dokumen pentadbiran kontrak (CAGE dan QAGE) seperti sijil pembayaran, sijil kesiapan praktikal dan sebagainya;
4. Meneliti dan mengesahkan tuntutan yang diterima bagi kerja-kerja di tapak projek untuk proses pembayaran kepada kontraktor;
5. Menyediakan dokumen-dokumen seperti persuratan, laporan kemajuan projek, dokumen tawaran/ sebutharga dan sebagainya;
6. Menyediakan kos anggaran kerja bagi cadangan kerja-kerja di tapak bina;
7. Melaksanakan tugas yang diarahkan oleh Jurutera, Jurutera Kerja, Jurutera Kerja Kanan dan Penolong Pengarah dari masa ke semasa.

Nota:

1. Pemohon dikehendaki untuk mengisi dan mengembalikan **Borang Permohonan Site Staff** yang lengkap, salinan kad pengenalan dan sijil-sijil yang berkenaan melalui e-mel ke uss@pwd.gov.bn **tidak lewat dari hari Ahad, 28^{hb} April 2024.**
2. Hanya pemohon yang memenuhi syarat sahaja akan dihubungi.